

01 SEP 2001

Mahathir-Melayu

MASA UNTUK BERPOLIMIK SUDAH BERAKHIR, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata masanya sudah tiba untuk semua pihak bertindak secara bersama dalam mempertingkatkan kecemerlangan anak Melayu dalam bidang pendidikan.

"Masa untuk berpolimik sudah berakhir," kata Perdana Menteri ketika berucap merasmikan Kongres Pendidikan Melayu pertama di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Kongres dua hari itu dianjurkan Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat dan Kumpulan Melayu Prihatin.

Dr Mahathir berkata ibu bapa dan juga para pendidik perlu sentiasa memberi semangat kepada pelajar-pelajar Melayu dan jangan sekali-kali melemahkan semangat mereka dengan dakwaan bahawa bidang tertentu adalah sekular dan tidak memberi pahala yang menuntutnya.

"Anak Melayu lelaki atau perempuan bukan bodoh. Mereka sama pintar dengan pelajar dari kaum lain, tetapi mustahil mereka dapat mencapai kecemerlangan dalam bidang-bidang yang mereka tidak mempelajarinya, yang mereka tidak tekun dan berusaha untuk mempelajarinya," kata beliau.

Beliau berkata anak-anak Melayu, jika diberi semangat dan galakan yang secukupnya, mereka akan menunjukkan minat yang kuat untuk mempelajari pelbagai ilmu termasuk sains dan teknologi dan mampu membuktikan pencapaian yang cemerlang.

Kerajaan sendiri mempunyai rancangan bagi mengatasi masalah pendidikan di kalangan anak Melayu tetapi segala rancangan ini tidak akan mencapai kejayaan jika tidak ada sokongan, katanya.

Dr Mahathir turut meminta masyarakat Islam termasuk ulamak supaya berani menyebarkan ajaran Islam yang sebenar berkenaan menuntut semua ilmu.

Katanya mereka perlu menentang pendapat yang salah iaitu yang mentafsirkan ilmu sebagai sekular atau duniawi.

"Jangan tafsir ilmu ini sebagai sekular atau duniawi kerana ia mempunyai kaitan yang rapat dengan akhirat juga," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata anak-anak Melayu perlu diberitahu dari segi kepentingan agama dan mengenai kesedaran bahawa ilmu yang bukan khusus berkenaan agama Islam juga penting untuk mempertahankan Islam.

Selain itu, anak-anak Melayu juga perlu diberikan asas agama yang cukup supaya pegangan mereka pada ajaran dan budaya Islam tetap berkesan dan kekal bagi memastikan mereka tidak mudah dipengaruhi budaya songsang dan lucah dari luar.

"Benteng yang kuat perlu didirikan dalam hati anak Melayu yang dapat menghalang kemasukan segala jenis maksiat dan kekotoran," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

HK AT ES RON